

MAJLIS PENUTUP KURSUS JURULATIH PENERBANGAN (FIC) SIRI 56/18 DAN QTHI/QFEI/QNI SIRI 42/18 SERTA MAJLIS PEMBUKAAN FIC SIRI 57/19 DAN QTFI/ QNI/IWSO SIRI 43/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4530-majlis-penutup-kursus-jurulatih-penerbangan-fic-siri-56-18-dan-qthi-qfei-qni-siri-42-18-serta-majlis-pembukaan-fic-siri-57-19-dan-qtfi-qni-iwso-siri-43-19

ALOR SETAR, 18 Feb 19 – Majlis Penutupan Kursus Jurulatih Penerbangan (FIC) Siri 56/18 dan QTHI/QFEI/QNI Siri 42/18, serta Majlis Pembukaan FIC Siri 57/19 dan QTFI/QNI/IWSO Siri 43/19 telah disempurnakan oleh Panglima Pendidikan dan Latihan Udara (PPLU), Lt Jen Dato' Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM bertempat di Dewan Taming Sari, Kolej Tentera Udara.



Seramai 20 orang pelatih FIC Siri 56/18 termasuk 01 x juruterbang PUTD, 01 x juruterbang TLDM dan 01 x juruterbang dari TNI-AU telah berjaya menamatkan kursus yang bermula pada 20 Feb 17 yang lalu bertempat di ILIT. manakala 19 orang pelatih FIC 57/19 dan QTFI/QNI/ IWSO Siri 43/19 telah memulakan kursus di ILIT pada 14 Feb 19 yang lepas.



Mej Muhammad Kasyfi Mahdi bin Abdullah TUDM telah dianugerahkan Pelatih Sayap Kaku Terbaik dan Pelatih Sayap Putar Terbaik pula dianugerahkan kepada Mej Noremazuan bin Nordin TUDM manakala Mej Nittakorn A/P Chamrat TUDM pula telah dipilih sebagai Pelatih Akademik Terbaik pada kursus kali ini.



Pada majlis tersebut juga, PPLU turut menyampaikan sijil Senior Trainer Course (STC) kepada para jurulatih dari pusat-pusat latihan di dalam KTU. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Komandan KTU, Pegawai-Pegawai Memerintah dan Ketua-Ketua Cawang di KTU.



